Kajian Separuh Penggal Pelan Sektor Kewangan (2011 – 2020)

Oleh Ian Lee Wei Xiung dan Kershia Tan Wei

Pelan Sektor Kewangan (Pelan) yang dilancarkan pada 21 Disember 2011, melakarkan hala tuju strategik 10 tahun ke arah meningkatkan daya tahan, kecekapan dan daya saing sektor kewangan Malaysia. Berlandaskan asas yang kukuh ekoran pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan pada dekad lalu, Pelan ini merangkumi 69 saranan dan 214 inisiatif bagi menggalakkan sektor kewangan untuk terus memainkan peranannya secara berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Saranan-saranan ini mencerminkan landskap ekonomi dan kewangan yang semakin berubah berikutan pelbagai faktor termasuk ketidaksamaan pendapatan yang semakin meningkat, perubahan demografi, pembaharuan kawal selia pascakrisis, sektor perkhidmatan yang menjadi semakin penting dalam ekonomi, kesalinghubungan serantau dan global yang lebih luas dan kemajuan teknologi. Berlatarkan persekitaran ini, sembilan objektif utama digariskan dalam Pelan (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

Objektif Utama di bawah Pelan

- Pengantaraan berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi
- Pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- Perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- Integrasi kewangan serantau dan antarabangsa yang diperkukuh
- Pengantarabangsaan kewangan Islam
- Amalan tadbir urus dan pengurusan risiko institusi kewangan yang dipertingkat
- Kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui pembayaran secara elektronik
- Pemerkasaan pengguna
- Pembangunan tenaga mahir bagi sektor kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana ini membincangkan kemajuan dan pencapaian di bawah Pelan sehingga kini, trend dan perkembangan yang baru muncul, serta implikasinya dari segi keutamaan inisiatif di bawah Pelan pada masa hadapan.


Kemajuan dan Pencapaian

Kemajuan yang berterusan telah dicapai ke arah merealisasikan objektif Pelan, dengan 41% inisiatif telah dilaksanakan sepenuhnya dan 44% lagi berjalan mengikut perancangan. Secara kolektif, inisiatif ini meliputi sebahagian besar inisiatif berimpak tinggi merentas kesemua sembilan objektif utama dalam Pelan (Gambar Rajah 2). Khususnya, langkah-langkah yang bertujuan melindungi kestabilan sistem kewangan dan mengukuhkan pendorong utama pembangunan kewangan telah membantu membentuk persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan inovasi yang lebih luas dan pertumbuhan sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini terdapat dalam Gambar Rajah 3.

Penilaian terhadap kesan pelaksanaan inisiatif menunjukkan hasil yang memberangsangkan, dengan manfaat jangka panjang bagi langkah-langkah tertentu dijangka dapat dicapai mengikut peredaran masa. Dalam hal perlindungan kehematan, manfaat ini akan dilihat semasa tempoh tekanan kewangan.

Gambar Rajah 2

Kemajuan Keseluruhan Inisiatif Pelan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3

Sorotan Inisiatif Utama

52% *Siap*

39% *Mengikut jadual*
6% *Belum dilaksanakan*
3% *Dalam kajian*

Memelihara kestabilan sistem kewangan

- Amalan pengawalan dan penyeliaan yang dipertingkatkan dengan tumpuan pada tadbir urus dan pengurusan risiko

- Pelaksanaan perundangan yang dimodenkan (iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002)
- Penggunaan piawaian global yang diperkukuhkan, termasuk pembaharuan dalam piawaian modal dan imbuhan

40% *Siap*

42% *Mengikut jadual*
8% *Belum dilaksanakan*
10% *Dalam kajian*

Menggalakkan pendorong utama bagi pembangunan kewangan

- Kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui pembayaran secara elektronik
- Pemerkasaan pengguna
- Pembangunan tenaga mahir bagi sektor kewangan

- Pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran
- Pelaksanaan Skim Ombudsman Kewangan
- Transformasi institusi latihan, berakreditasi dan profesional yang utama, termasuk Asian Banking School, Asian Institute of Chartered Bankers dan Agensi Akreditasi Kewangan

38% *Siap*

46% *Mengikut jadual*
5% *Belum dilaksanakan*
11% *Dalam kajian*

Memangkinkan inovasi dan pertumbuhan

- Pengantaraan berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi
- Pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- Perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- Integrasi kewangan serantau dan antarabangsa yang diperkukuh
- Pengantarabangsaan kewangan Islam


- Pelaksanaan Rangka Kerja Perbankan Ejen
- Enakmen Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015
- Pelaksanaan pembaharuan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga
- Liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran
- Pemuktamadan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
- Pelaksanaan Platform Akaun Pelaburan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesan positif daripada inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan adalah paling ketara dalam bidang rangkuman kewangan, pengawalan dan penyeliaan, integrasi kewangan serantau dan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik (Gambar Rajah 4). Rangkuman kewangan telah berkembang nyata, disokong terutamanya oleh rangkaian ejen bank yang semakin meningkat. Hal ini turut disokong oleh peningkatan kesedaran pengguna dan pembangunan rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih mantap. Tambahan pula, penampan kewangan yang kukuh dan pengambilan risiko yang berhemat telah membolehkan institusi kewangan di Malaysia mengharungi episod pergolakan kewangan, pertumbuhan yang lemah dan pengecilan margin pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kerjasama pengawalan dan penyeliaan yang lebih kukuh antara pihak berkuasa di rantau ini berlandaskan hubungan paling erat kebelakangan ini, juga telah menyediakan persekitaran yang diperlukan bagi meningkatkan pertumbuhan dan kestabilan serantau. Sementara itu, pertumbuhan dalam penggunaan pembayaran secara elektronik telah meningkatkan lagi kecekapan ekonomi Malaysia melalui pengurangan kos pengendalian wang tunai dan cek.

Gambar Rajah 4

Kesan Inisiatif di bawah Pelan



[1] Jumlah penduduk sekurang-kurangnya 2,000 orang
[2] Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) ialah organisasi kerjasama bank pusat dan pihak berkuasa monetari di Asia Timur dan kawasan Pasifik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara keseluruhan, pembangunan kewangan yang lebih mantap telah diiringi oleh kesan limpahan ekonomi yang positif dari segi penyertaan penduduk Malaysia dalam sektor kewangan. Pada akhir tahun 2016, jumlah pekerja sektor kewangan adalah kira-kira 164,592 orang[1], dengan 6,100 pekerjaan tambahan diwujudkan sejak suku pertama 2013. Jumlah ini mencakupi kira-kira 3% daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia. Sebagai salah satu daripada sektor berproduktiviti

[1] Termasuk kakitangan bank perdagangan, bank-bank Islam, bank pelaburan, bank-bank Islam antarabangsa, institusi kewangan pembangunan, penanggung insurans dan pengendali takaful.

tinggi berasaskan pengetahuan, 74% kakitangan sektor kewangan merupakan ahli profesional berkemahiran tinggi. Purata gaji dalam sektor kewangan meningkat pada kadar purata 11.4% antara tahun 2013 hingga tahun 2016, berjumlah RM7,790 sebulan (setiap pekerja) pada tahun 2016 (2013: RM5,661), manakala produktiviti meningkat pada kadar purata 4%[2] pada tempoh yang sama. Namun begitu, sementara institusi kewangan di Malaysia terus menstruktur semula operasi selaras dengan landskap kewangan yang berubah, keadaan kekosongan jawatan dalam sektor kewangan masih tinggi (2016: 4,800 kekosongan jawatan), terutamanya untuk jawatan berkemahiran tinggi.

Selain itu, sektor kewangan juga telah membuat sumbangan positif kepada nilai keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Nilai tambah sebenar perkhidmatan kewangan kepada KDNK berjumlah lebih RM75.3 bilion pada tahun 2016, mencakupi 6.8% daripada KDNK benar. Pada tempoh tahun 2011 hingga 2016, nilai tambah sektor kewangan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate, CAGR) sebanyak 2.7%. Pertumbuhan adalah lebih sederhana pada beberapa tahun yang lalu ekoran persekitaran ekonomi yang mencabar, pertumbuhan yang lebih rendah dalam aktiviti pinjaman dan pasaran modal serta keadaan persaingan yang meningkat.

Walaupun kemajuan yang jelas telah dicapai, masih terdapat beberapa bidang berpotensi besar yang belum diterokai. Industri insurans dan takaful Malaysia masih mempunyai potensi yang besar untuk pertumbuhan. Walaupun penembusan insurans seperti yang diukur mengikut bilangan polisi insurans hayat dan takaful keluarga bagi setiap penduduk telah meningkat kepada 54.2% (2010: 51.1%), pertumbuhan masih lemah sejak lima tahun yang lalu. Dalam sektor insurans am dan takaful am, kapasiti domestik untuk mengunderait risiko yang lebih besar dan lebih khusus hampir mencapai hadnya, yang seterusnya akan memberi kesan kepada aliran keluar insurans semula. Antara cabaran yang dihadapi oleh industri ialah kekurangan kepakaran pengunderaitan bagi risiko yang besar dan khusus, tahap kesedaran risiko yang rendah dan ketersediaan produk mampu dibeli yang terhad, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga kumpulan berpendapatan rendah.

Dengan peralihan Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, salah satu bidang pembangunan seterusnya ialah pengantaraan kewangan bagi bidang pertumbuhan baharu yang lebih intensif dari segi pengetahuan dan teknologi serta mempunyai kandungan inovasi yang tinggi. Walaupun aktiviti sedemikian dijangka bertambah giat pada masa hadapan, pembiayaan bank masih banyak tertumpu pada sektor yang lebih tradisional. Sebagai contoh, kurang 1% daripada kelulusan pembiayaan PKS telah diberikan kepada segmen pertumbuhan baharu pada tahun 2016 seperti teknologi hijau, bioteknologi dan industri inovatif lain yang memberikan tumpuan pada harta intelek serta teknologi maklumat dan komunikasi. Kekangan utama dalam tawaran solusi pembiayaan tradisional bagi industri-industri ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam rencana 'Peranan Kewangan Alternatif untuk Membiayai Keperluan Ekonomi Baharu'. Ini termasuk kekurangan cagaran, sejarah kredit terhad dan maklumat tidak simetri yang tinggi. Keutamaan untuk melindungi deposit orang ramai, yang kekal sebagai sumber penting pendanaan bagi bank, juga menandakan keperluan dan peluang untuk membangunkan penyelesaian pembiayaan alternatif bagi industri pertumbuhan baharu.

Trend dan Perkembangan yang Baru Muncul

Secara keseluruhannya, pertimbangan utama yang menyokong saranan dalam Pelan kekal relevan (Gambar Rajah 5).

Walau bagaimanapun, perkembangan sejak lima tahun yang lalu telah mendorong inisiatif baharu dipertimbangkan bagi mencapai objektif Pelan, tetapi pada masa yang sama memberikan tumpuan yang lebih jitu pada inisiatif tertentu yang sedia ada.

Salah satu perkembangan tersebut ialah kemunculan teknologi kewangan (financial technology, FinTech). FinTech telah meluaskan penyediaan perkhidmatan kewangan melangkaui bidang kuasa tradisional bank, dan berpotensi mengubah asas cara perkhidmatan kewangan disampaikan dan digunakan. Ini seterusnya boleh mengubah dengan ketara kedinamikan bersaing sektor kewangan dan ciri pengantaraan kewangan. Bank menjangkakan penggunaan

[2] Produktiviti dalam sektor kewangan diwakili oleh jumlah pendapatan faedah bersih, pendapatan fi dan premium insurans/takaful ditolak tuntutan dan dibahagi dengan jumlah kakitangan yang bekerja dalam sektor perbankan dan insurans/takaful.

Gambar Rajah 5

Pertimbangan dan Strategi Utama yang Menyokong Pelan

PERTIMBANGAN	STRATEGI
1. Penduduk yang lebih berusia dan tinggal di bandar 2. Kelas pendapatan sederhana yang besar dan semakin berkembang 3. Pertumbuhan perkhidmatan berintensif pengetahuan 4. Kekukuhan jumlah PKS yang dinamik dan berdaya saing 5. Peralihan kepada aktiviti bernilai tambah lebih tinggi 6. Integrasi global dan serantau yang lebih meluas	• Pembangunan sistem pencen yang lebih mampan untuk persaraan • Perlindungan yang dipertingkat untuk produk dan perkhidmatan insurans perubatan dan kesihatan, termasuk produk insurans penjagaan kesihatan jangka panjang dan insurans hilang upaya lain • Pembangunan ekosistem pendanaan yang lebih pelbagai, aktif dan mampan melangkaui pembiayaan bank secara tradisional • Penggalakan ekosistem sokongan dan perkongsian strategik yang holistik antara institusi domestik dengan serantau untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan yang semakin meningkat • Pembangunan pengantara, pasaran kewangan dan infrastruktur sokongan untuk menyokong penyediaan pembiayaan projek jangka panjang yang besar, termasuk menambah baik rangka kerja perkongsian sektor awam-swasta

Sumber: Bank Negara Malaysia

FinTech yang semakin meningkat dapat memberikan implikasi yang meluas bagi bidang seperti pembayaran, rangkuman kewangan, kewangan Islam, perlindungan pengguna dan perniagaan perkhidmatan wang. Pada masa hadapan, FinTech dijangka meninggalkan kesan pada komposisi dan jenis pekerjaan yang akan ditawarkan dalam sektor kewangan. Khususnya, pekerjaan yang intensif tenaga yang berbentuk rutin dan boleh diramal adalah berisiko tinggi untuk diautomasikan. Meskipun kesan sebenar FinTech terhadap pekerjaan masih belum dapat disimpulkan, sektor kewangan harus memantapkan semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang ada dengan kompetensi yang berasaskan teknologi supaya dapat meraih manfaat daripada penggunaan teknologi di samping mengurangkan kesan yang menjejaskan tenaga kerja.

Satu lagi perkembangan penting ialah andaian makroekonomi luaran dan dalam negeri yang sederhana bagi tempoh jangka sederhana. Walaupun sasaran awal di bawah Pelan menjangkakan sistem kewangan berkembang pada kadar tahunan 8%-11%, sasaran tersebut kini dijangka menjadi lebih sederhana, sejajar dengan kadar pertumbuhan tahunan purata kira-kira 6.8% yang dicapai sepanjang tempoh 2011 hingga 2016. Keadaan ini akan meningkatkan tekanan terhadap institusi kewangan untuk meneliti semula model perniagaan yang sedia ada dan meninjau peluang melangkaui segmen perniagaan tradisional untuk meraih manfaat daripada bidang pertumbuhan baharu. Selain itu, trend makroekonomi ini juga telah meningkatkan tumpuan terhadap peranan sektor kewangan dalam menyediakan penyelesaian kepada cabaran sosioekonomi yang berkaitan dengan kemampuan memiliki rumah, kemiskinan bandar dan daya tahan isi rumah terhadap kejutan kewangan.

Ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa dan domestik juga merupakan cabaran baharu kepada pengurusan kestabilan kewangan. Keadaan ini didorong oleh ketidakpastian yang menyelubungi dasar monetari di Amerika Syarikat, digabungkan dengan perkembangan ekonomi dan politik global, termasuk turun naik harga komoditi yang semakin ketara. Dengan keterbukaan pasaran kewangan Malaysia, penambahbaikan kedalaman, keluasan dan daya tahan keseluruhan pasaran kewangan, termasuk pasaran pertukaran asing dan derivatif, kini menjadi lebih penting.

Pada peringkat global, para peniaga dan individu juga semakin mencerminkan pertimbangan terhadap pembangunan dan pertumbuhan yang mampan apabila membuat keputusan berkenaan ekonomi. Antara contoh yang berkaitan termasuk usaha-usaha yang semakin giat ke arah Pelaburan Mampan, Bertanggungjawab dan Berimpak (Sustainable, Responsible and Impact Investing, SRI) dan penggunaan kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

(Environmental, Social and Governance criteria) dalam keputusan pelaburan. Ini membuka peluang pertumbuhan yang besar kepada sektor kewangan Islam yang menekankan perlindungan dan penambahbaikan kebajikan sosial sebagai prinsip terasnya. Aktiviti kewangan Islam di Malaysia kini ditadbir oleh rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang menyeluruh. Ini menyediakan asas yang kukuh bagi sektor kewangan untuk menjalankan peranan yang lebih besar dalam pembangunan yang mampan menerusi penawaran penyelesaian SRI.

Keutamaan Melangkah ke Hadapan

Dengan tinggal hanya empat tahun lagi untuk mencapai aspirasi Pelan, gambaran keseluruhan keutamaan penting menjelang tahun 2020 adalah seperti digariskan dalam Gambar Rajah 6. Ini mengambil kira perkembangan yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, yang akan melibatkan penelitian semula penetapan pengawalseliaan dan strategi pembangunan dalam beberapa bidang.

Antaranya ialah evolusi sebuah ekosistem pembiayaan alternatif dan FinTech yang dinamik untuk menyokong inovasi masa hadapan dan mengembangkan sumber pendanaan bagi PKS. Ini termasuk pembangunan penyelesaian pendanaan yang lebih berasaskan pasaran untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan dan mengurangkan kebergantungan pada pendanaan berasaskan bank. Tumpuan yang lebih besar akan diberikan pada pembiayaan industri peneraju dan perniagaan permulaan peringkat awal dengan menambah baik rangka kerja bagi penyelesaian pembiayaan alternatif seperti pemfaktoran dan pemajakan. Peranan institusi kewangan pembangunan juga akan dikaji semula agar dapat memberikan perkhidmatan dan sokongan yang lebih baik kepada pembangunan sektor sosioekonomi yang disasarkan.

Bank berusaha untuk menggalakkan industri memainkan peranan yang lebih besar bagi menerajui inisiatif yang akan menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan melalui penggunaan FinTech. Contoh terbaharu usaha ini ialah pelaksanaan dua projek berasaskan teknologi berimpak tinggi yang akan diterajui oleh industri, termasuk pembangunan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology) untuk memacu kecekapan yang lebih tinggi dalam pembiayaan perdagangan dan mempermudah proses Kenali-Pelanggan-Anda (Know-Your-Customer, KYC) secara digital.

Bagi menangani cabaran dan realiti yang timbul daripada ketidaktentuan pasaran kewangan yang lebih ketara, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pembangunan pasaran kewangan yang mendalam dan cair, termasuk memastikan ketersediaan instrumen perlindungan nilai yang berkesan dari segi kos untuk menguruskan dedahan risiko. Bagi mencapai matlamat ini, Bank bersama-sama dengan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) telah memperkenalkan beberapa langkah yang bertujuan untuk meningkatkan kestabilan pasaran dan memperluas pasaran perlindungan nilai dalam negeri. Keterangan lanjut mengenai langkah-langkah ini dan peranan FMC dibincangkan di dalam Bab ini.

Lebih penekanan juga akan diberikan pada usaha meningkatkan peranan insurans dan takaful bagi memenuhi keperluan perlindungan dan pengurusan risiko isi rumah dan perniagaan Malaysia. Langkah-langkah akan diambil untuk mempercepat penembusan insurans dan mengurangkan jurang perlindungan dengan meluaskan ketersediaan produk perlindungan asas, insurans mikro dan takaful mikro. Langkah ini akan disokong oleh pelaksanaan pendekatan pengawalseliaan yang setimpal bagi insurans mikro dan takaful mikro. Penyediaan persekitaran operasi yang kondusif membolehkan industri membangunkan produk bagi memenuhi keperluan segmen yang kini masih kurang diinsuranskan. Pempelbagaian selanjutnya dalam saluran pengagihan insurans dan takaful juga dijangka meningkatkan ketersediaan dan penerimaan produk perlindungan dengan lebih ketara. Dalam sektor insurans am dan takaful am, Bank akan terus memberikan tumpuan pada pembaharuan yang meluas, termasuk liberalisasi tarif motor dan tarif kebakaran secara berfasa serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan kos yang berkaitan dengan penyelesaian tuntutan. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan dengan mengambil kira keseimbangan antara penyertaan domestik dengan penyertaan asing dalam sektor insurans dan takaful, sejajar dengan kepentingan terbaik kepada Malaysia.

Gambar Rajah 6

Keutamaan Masa Hadapan di bawah Pelan



Pengantaraan Kewangan yang Berkesan

- Mengembangkan ekosistem FinTech yang aktif untuk meningkatkan akses dan kecekapan
- Membangunkan penyelesaian pembiayaan yang lebih berasaskan pasaran bagi PKS dan industri peneraju
- Mengukuhkan peranan dan impak institusi kewangan pembangunan



Rejim Pengawalan dan Penyeliaan

- Membangunkan Rangka Kerja Pemulihan dan Penyelesaian bagi institusi kewangan
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan pembaharuan pengawalseliaan dalam sektor perbankan dan insurans/takaful
- Memastikan rangka kerja penyeliaan dan metodologi pengukuran yang dinamik dan berpandangan ke hadapan



Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Dinamik

- Menambah baik mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran bon sekunder
- Membangunkan pasaran derivatif yang mendalam dan cair
- Meningkatkan lagi penggunaan penyelesaian mata wang tempatan untuk perdagangan dalam rantau ini



Pembayaran Secara Elektronik

- Memupuk ekosistem pembayaran yang terbuka dan aktif sebagai pemangkin untuk inovasi FinTech



Rangkuman Kewangan

- Menambah baik lagi penggunaan yang bertanggungjawab, penerimaan dan kualiti perkhidmatan kewangan
- Meningkatkan akses kepada produk perlindungan asas, insurans mikro dan takaful mikro
- Menggalakkan perkhidmatan pembayaran yang inovatif



Pemerkasaan Pengguna

- Memperkukuh rangka kerja perundangan untuk kredit pengguna
- Melaksanakan dan menyelaraskan strategi pendidikan kewangan kebangsaan
- Menggalakkan budaya kredit yang lebih bertanggungjawab



Integrasi Kewangan Serantau dan Antarabangsa

- Mempererat hubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia melalui pengaturan dua hala dan serantau yang baharu



Pembangunan Tenaga Mahir

- Mempercepat pengikhtisasan tenaga kerja sektor kewangan
- Menyiapkan transformasi institusi pembelajaran dan profesional yang utama
- Menarik minat tenaga mahir serantau dan antarabangsa dalam bidang strategik



Kewangan Islam

- Meningkatkan penggunaan pengantaraan berasaskan nilai oleh bank-bank Islam
- Menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan sokongan profesional Islam
- Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat inovasi kewangan Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia